

Kelab Ekonomi Perancangan dan

Pembangunan tabur bakti kepada masyarakat

UB 25 April 2019 B2

KOTA KINABALU: Satu program berbentuk khidmat masyarakat anjuran Kelab Ekonomi Perancangan dan Pembangunan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) diadakan di SMK Desa Wawasan Tambunan baru-baru ini.

Program selama 3 hari 2 malam yang sarat dengan pengisian aktiviti kepada pelajar sekolah di samping aktiviti menambah baik fasiliti bilik serbaguna di sekolah berkenaan iaitu ruangan bilik kesihatan melalui aktiviti mengecat, menyediakan kemudahan katil dan tilam.

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah FPEPUMSDrArif@Kamisan Pusiran yang hadir pada majlis penutupan program itu menyatakan keperluan mengadakan program-program seperti itu merupakan satu usaha yang baik dalam memberi sumbangan kepada masyarakat selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Menteri



SESI bergambar di bilik serbaguna yang telah ditambah baik bersama Arif.

Pendidikan, 'Sekolah Untuk Komuniti, Universiti Untuk Masyarakat'.

Pihak sekolah juga melalui wakilnya Maidis Pongot melahirkan rasa syukur dan penghargaan kepada kelab berkenaan yang sentiasa membantu pihak sekolah dari tahun ke tahun, bukan sahaja dari segi menambah baik fasiliti sekolah tetapi juga bimbingan khidmat nasihat dan motivasi kepada pelajar di sana.

Pengarah program
N o o r f a d z k h i r a

Kamarudzaman berkata ia adalah program kali ketiga diadakan iaitu dua kali di sekolah itu dan sekali di UMS yang telah bermula sejak 2016 lagi.

Majlis penutupan program turut dihadiri oleh pensyarah program kelab HE05, Prof Madya Haji Dullah Mulok, penasihat kelab Wijaya Kamal Ramlan, wakil alumni Yeo Soon Jian dan Debbie Dyana Jun Jinideh serta beberapa guru Sekolah Menengah Desa Wawasan Tambunan.